

23 SEP 1998

Mahathir-Anwar

ANWAR TIDAK FAHAM UNTUK MENGURUSKAN EKONOMI, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bekas Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak faham bagaimana untuk menguruskan kewangan atau ekonomi negara, hingga menimbulkan banyak masalah ekonomi.

"Malangnya, beliau tidak faham mengenai pengurusan kewangan atau ekonomi. Beliau boleh bercakap tetapi beliau benar-benar tidak faham bagaimana untuk menguruskan ekonomi.

"Sekarang, beliau tidak lagi di Kementerian itu. Saya berpendapat kita boleh menguruskan ekonomi dengan lebih baik. Ia telahpun menunjukkan hasil," kata beliau ketika berucap kepada pemimpin masyarakat Cina yang mengunjungi beliau di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Dr Mahathir yang mengambil alih sebagai Menteri Kewangan Pertama berkata Anwar juga bertanggungjawab memendekkan tempoh bagi Pinjaman Tidak Berbayar (NPL) daripada enam bulan kepada tiga bulan itu, dengan dengan itu menimbulkan masalah ekonomi..

"Beliau-lah orang yang bertanggungjawab... memendekkan tempoh bagi NPL yang menimbulkan masalah bagi perniagaan, beliau bertanggungjawab mengurangkan jumlah wang dalam pendedaran, menghalang orang daripada meminjam dan banyak perkara lain semasa menjadi Menteri Kewangan," kata beliau.

"Tetapi saya dapat mengatasinya. Tentulah sekarang, beliau tidak lagi berada di Kementerian itu dan memudahkan saya, dan tidak perlu bagi saya untuk berbalah dengannya," kata beliau.

Anwar dilucutkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 2 Sept dan dipecat daripada Umno pada hari berikutan apa yang dikatakan salahlaku seks.

Dr Mahathir berkata beliau cukup kuat untuk mengha[ai sebarang cabaran daripada Anwar, jika Anwar hendak mencabarnya dalam Umno.

"Beliau boleh mencabar saya dalam politik. Itu tidak menjadi soal kerana saya berpendapat saya cukup kuat dalam Umno. Orang lain pernah menmcabar saya dahulu dan anda tahu di mana mereka sekarang.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno juga yakin beliau mendapat sokongan daripada anggota-anggota Umno walaupun jika Anwar menggunakan wang dalam politik.

Beliau berkata dengan membangkitkan isu seperti kronisme, Anwar menaruh harapan bahawa beliau (Dr Mahathir akan menjadi tidak popular dan menjangka anggota-anggota parti pada Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini akan mengejeknya tetapi tidak berbuat demikian).

"Justeru tu, politik ialah sesuatu yang saya dapat menguruskan, ekonomi pun saya boleh kendali. Walaupun jika beliau (Anwar) berada di kedudukan itu," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata cara yang digunakan oleh Anwar untuk menyingkir Ghafar Baba semasa pemilihan UMNO 1993 bukanlah cara yang sesuai.

Mengenai pemecatan Anwar, Dr Mahathir berkata itu ialah haknya untuk berbuat demikian.

"Di mana-mana negara. Perdana Menteri boleh memcat Kabinet. Jepun bertukar kerajaan setiap bulan. Itu adalah hak saya untuk berbuat demikian," kata beliau sambil mengulangi bahawa Anwar tidak layak untuk menjadi pemimpin kerana dikatakan terbabit dalam salahlaku seks.

"Beliau melakukan liwat dengan beberapa orang. Pada mulanya, saya tidak

percaya. Beliau berlagak sebagai seorang yang warak. Tetapi kita mempunyai bukti yang kukuh," kata beliau.

Dr Mahathir berkata Anwar cuva mengelak perbicaraan dengan menggunakan pelajar dan penyokong untuk mencetuskan masalah di bangunan mahkamah.

"Beliau sendiri berkata 1,000 orang akan mengikutnya jika beliau masuk penjara," katanya.

Dr Mahathir berkata Anwar juga cuba menimbulkan keadaan seperti di Indonesia untuk memaksa beliau meletak jawatan.

"Beliau fikir dengan menimbulkan kekacauan seperti di Indonesia, beliau tidak akandibicara dan keraan dapat digulingan. Dan beliau akan dibebaskan. dan beliau juga berharap beliau boleh menjadi Perdana Menteri atau pemimpin kerajaan," kata beliau.

Dr Mahathir berkata isteri Anwar Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail juga mencuba supaya beliau ditangkap untuk meraih simpati.

Perdana Menteri menyeru semua pihak berusaha mengekalkan keamanan dan kemakmuran bagi membolehkan pemulihan ekonomi lebih cepat.

Menurut Dr Mahathir, Malaysia ialah sebuah negara yang dibangunkan oleh rakyatnya dan justeru itu, rakyat mesti bekerja keras bagi menjamin keamanan dan kemakmuran.

Pada majlis hari ini, Perdana Menteri menerima kira-kira 100,000 ucapan tahniah yang melahirkan sokongan daripada rakyat Malaysia.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yang juga Menteri Pengangkutan menyerahkan kad ucapan itu. Beliau berkata ia menunjukkan semangat patriotik, keyakinan dan sokongan rakyat Malaysia kepada Perdana Menteri.

-- BERNAMA

RV FAZ